

Bazar Aidilfitri Lorong TAR meriah

Peniaga luah rasa gembira operasi perniagaan dapat sambutan pelanggan

Oleh NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

Peniaga Bazar Aidilfitri Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) meluahkan rasa lega apabila hari pertama operasi bazar berkenaan pada Sabtu mendapat sambutan positif daripada pengunjung.

Peniaga serunding dan rendang, Redzuan Ghazali, 54, berkata, dia tidak menang tangan melayan pelanggan yang memenuhi gerainya sejak dibuka jam 10 pagi.

Menurutnya, petanda baik itu menunjukkan perniagaan bazar pada tahun ini kembali meriah selepas hampir tiga tahun dibelenggu pandemik Covid-19.

“Jika dibandingkan tahun lepas, tahun ini perniagaan nampak baik dan pelanggan memberangsangkan.

“Tahun lepas, saya hanya dapat bertahan selama 10 hari berniaga di sini sebelum ambil keputusan angkat kaki.

“Perniagaan tahun lepas memang menurun hinggalah nak

bayar sewa tapak pun tak lepas,” katanya ketika tinjauan *Sinar Harian* pada Sabtu.

Seorang peniaga kuih raya, Muhamad Mustaqim Shahrudin, 29, berkata, jualan kurang dua jam pada Sabtu menyemai pendapatan tiga hari operasi pada tahun lepas.

“Tahun lepas perniagaan kurang sambutan kerana prosedur operasi standard (SOP) dan kawalan ketat mempengaruhi jumlah pengunjung yang beli-belah ke sini.

“Kami jadi lega apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) beri kelonggaran dengan buka pagar yang dipasang di kawasan bazar ini yang memudahkan urusan jual-beli,” katanya.

Sementara itu seorang pengunjung, Mohamad Abdullah, 59, berkata, dia berpuas hati dengan kelonggaran operasi bazar berkenaan yang memudahkan peniaga dan pengunjung untuk membeli-belah.

“Apabila kelonggaran telah diberikan, saya harap orang awam dapat sama-sama menjaga diri dengan mengamalkan SOP sendiri seperti elak bersesak dan menjaga penjarakan fizikal,” katanya.

Seorang lagi pengunjung, Mohd Ariff Shaari, 35, berkata, jumlah pengunjung pada hari pertama operasi nampak terkawal.



Keadaan hari pertama operasi Bazar Aidilfitri Lorong TAR pada Sabtu.



Orang ramai membanjiri Bazar Aidilfitri Lorong TAR pada Sabtu.

“Belum nampak lagi kemeriahan mungkin kerana masih awal Ramadan namun dijangka akan bertambah menjelang hujung Ramadan atau selepas pengeluaran khas Kumpulan Wang

Simpanan Pekerja (KWSP) diluluskan nanti,” katanya.

Dalam pada itu petugas DBKL yang membuat rondaan di kawasan itu pada Sabtu memberitahu seramai 26 anggota di-

tugaskan pada hari pertama operasi bazar tersebut.

Menurutnya, sistem kawalan pada tahun ini lebih longgar berbanding tahun sebelumnya apabila sistem pagar dimansuhkan.

“Tiada pas digunakan untuk hadkan pengunjung namun kami nasihatkan orang ramai untuk terus patuhi SOP dan jaga jarak.

“Petugas akan memberikan teguran dari semasa ke semasa bagi memastikan keadaan terkawal dan tidak terlalu sesak pada satu-satu masa,” katanya.

Sebanyak 206 petak niaga disediakan di bazar Aidilfitri Lorong TAR yang beroperasi 9 April hingga 2 Mei bermula jam 10 pagi hingga 12 malam.